

**TEKS UCAPAN
Y.BHG. PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

WACANA CANSELOR DAN MAHABBAH EIDULFITRI 1436H

**12 Ogos 2015 bersamaan 27 Syawal 1436H, 8.30 pagi
Dewan Besar UTeM**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia dan Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau, Melaka 753 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Cepat, Tepat

Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Melaka, Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob, Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan, Datuk Seri Utama Dato' Zurina binti Kassim.

1. Sempena pagi yang penuh barakah ini, saya mewakili seluruh warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengucapkan setinggi – tinggi penghargaan di atas kesudian Tuan Yang Terutama Tun Canselor UTeM dan **Toh Puan** hadir ke Majlis Wacana Canselor dan Mahabbah Eidulfitri 1436 Hijrah.
2. Kami senantiasa mendoakan Tuan Yang Terutama Tun Canselor dan **Toh Puan** serta keluarga dikurniakan kesihatan yang baik dan berpanjangan dan mengharapkan Tuan Yang Terutama Tun Canselor dapat terus memimpin Universiti juga Negeri Melaka ke arah yang gemilang.

**Bertuah hidup di bumi Melaka,
Berkat kepimpinan yang bijaksana,
Di bawah naunganTuan Yang Terutama,
UTeM gemilang, warga sejahtera.**

3. Seterusnya saya memohon izinkan saya untuk menyampaikan ucapan aluan kepada hadirin.
 1. **Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Dr. Hadenan bin A. Jalil**
Pro Canselor UTeM
 2. **Yang Berbahagia Datuk Wira Ismail bin Saleh**
Pro Canselor UTeM

3. Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Universiti
4. Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Penolong Naib Canselor
5. Pegawai-pegawai Kanan Universiti
6. Majlis Perwakilan Pelajar
7. Warga UTeM seterusnya hadirin hadirat yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, selawat dan salam buat junjungan besar kekasih yang tercinta Nabi Muhammad S.A.W, ahli keluarga dan sahabat baginda. Marilah kita merafa'kan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T yang mengizinkan kita untuk berhimpun di dalam Majlis Wacana Canselor dan Mahabbah Eidulfitri 1436H pada pagi yang indah ini. Semoga majlis ini mendapat magfirahNya, keberkatan dan pelindungannya sepanjang kita berada di dalamnya.
2. Di kesempatan ini, saya mengucapkan penghargaan dan terima kasih di atas kesudian semua para tetamu yang sudi melapangkan masa untuk hadir bersama-sama pada majlis hari ini. Kehadiran hadirin dan hadirat sekalian amat kami alu-alukan dan pastinya dapat menyemarakkan lagi majlis pada pagi ini.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

3. Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) kini sedang bergerak maju bagi memantapkan semua bidang dalam usaha untuk merealisasikan pelan strategik Universiti 2012 – 2020. Kecemerlangan akademik, penyelidikan, jaringan hubungan antarabangsa, kelestarian universiti dan lain-lain bidang adalah faktor penyumbang ke arah kemajuan yang berterusan kepada universiti.
4. Menyedari akan kepentingan perkongsian maklumat dalam memperkasakan penyerakan ilmu, Universiti telah mengaktifkan semula Siri Syarahan Umum Profesor sebagai wadah perkongsian dan platform komunikasi yang berkesan untuk berkongsi pelbagai pengalaman luas dalam bidang pendidikan, penyelidikan, kepakaran dan akademik kepada seluruh warga UTeM dan masyarakat luar.

Sebagai makluman, Universiti telah menetapkan sasaran sebanyak 4 kali siri Syarahan Umum Profesor pada tahun 2015. Sehingga kini, sebanyak 2 siri syarahan umum profesor telah berjaya dianjurkan.

5. Di samping itu, UTeM turut menganjurkan Program Wacana Canselor yang bertujuan untuk memberi pengetahuan meluas kepada warga Universiti serta mendapatkan input terkini dan terbaik daripada tokoh negarawan, ilmuwan dan cendekiawan negara. Penganjuran kali pertama pada 19 Mei 2014 telah memberi penghormatan kepada pemimpin tersohor negara yang tidak asing lagi iaitu YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai penyampai utama dalam program tersebut.

6. Pada hari ini, UTeM berasa amat bertuah kerana dapat meneruskan serakan program Wacana Canselor. Lebih membanggakan apabila Program Wacana Canselor pada pagi ini akan disampaikan sendiri oleh Tuan Yang Terutama, Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob, Canselor UTeM, yang secara langsung menjadikan majlis pada pagi ini sungguh istimewa dan amat bermakna kepada semua warga Universiti.

Hadirin hadirat yang dirahmati sekalian,

7. Izinkan saya mengambil sedikit masa untuk berkongsi latar belakang Tuan Yang Terutama, Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob:

- Tun Mohd Khalil dilahirkan pada 29 Disember 1937 di Kuantan Pahang dan merupakan anak ketiga daripada 7 adik-beradik kepada pasangan suami isteri Yaakob bin Awang Shukor dan Salmah binti Zainudin.
- Tun Mohd Khalil mendapat pendidikan awal di Sekolah Ahmad Shah, Kuantan dan disebabkan kecemerlangan yang ditunjukkan dalam bidang pendidikan, Tun ditawarkan tempat untuk meneruskan pelajaran menengah di Kolej Melayu Kuala Kangsar, Perak pada 1950. Seterusnya, Tun melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya Kuala Lumpur dan berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian pada 1962.

- Semasa menuntut di Universiti Malaya, Tun Mohd Khalil aktif melibatkan diri di dalam Majlis Perwakilan Pelajar dan aktiviti sukan sehingga dilantik sebagai Presiden Kesatuan Sukan, Kapten Pasukan Olahraga dan mewakili universiti dalam sukan ragbi. Untuk makluman, Tun masih bergiat aktif dalam bidang sukan sehingga ke hari ini terutamanya dalam sukan renang dan golf.
- Sebagai pelengkap kehidupan, Tun telah mendirikan rumah tangga dengan Toh Puan Dato' Zurina bte Kassim pada tahun 1965. Hasil perkongsian hidup, Tun dan Toh Puan telah dikurniakan tiga cahaya mata, dua putera serta seorang puteri dan kini mempunyai dua orang cucu.

- Penglibatan di alam pekerjaan bermula apabila Tun Mohd Khalil menyertai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik dan memulakan kerjaya diplomatiknya dengan Wisma Putra pada tahun 1963. Selama lebih 12 tahun berikutnya, Tun ditugaskan sebagai diplomat ke Itali, Maghribi, Singapura dan Indonesia. Beliau juga berkursus di Lembaga Pertahanan Nasional Indonesia (LemHanas) pada tahun 1974.
- Pada tahun 1976 hingga 1978 pula, Tun Mohd Khalil telah menamatkan perkhidmatan luar negara dan dilantik sebagai Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka, Pahang. Pada tahun 1982 hingga 1983 pula, Tun telah dilantik sebagai Timbalan Menteri Pelajaran dan kemudiannya sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1984 sehingga 1986.

Tun merupakan antara penggerak utama kepada penubuhan Universiti Utara Malaysia, universiti awam keenam di negara ini.

- Pada 14 Ogos 1986, Tun telah dilantik sebagai Menteri Besar Pahang yang ke 13. Selama 13 tahun menerajui Negeri Pahang, pada 22 Mei 1999, Tun telah melepaskan jawatan Menteri Besar Pahang untuk dilantik sebagai Senator dan seterusnya sebagai Menteri Penerangan pada Mei 1999.
- Pada tanggal, 4 Jun 2004, Tun Mohd Khalil telah dilantik sebagai Yang di-Pertua Negeri Melaka yang keenam sehingga kini.

- Tun Mohd Khalil juga telah dilantik sebagai Canselor UTeM Ke 2 pada Tahun 2004 dan menjawat jawatan tersebut sehingga kini.

T.Y.T. Tun, Hadirin dan Hadirat sekalian,

8. Selain daripada program Wacana Canselor pada pagi ini, UTeM melalui Pusat Islam juga turut menganjurkan Majlis Mahabbah Eidulfitri 1436H yang tujuannya adalah lebih kepada mengeratkan hubungan silaturahim sesama warga UTeM dan masyarakat sekitar. Penganjuran majlis ini juga merupakan satu wadah dan cara bagi memupuk sikap saling memahami dan bertolak ansur seterusnya mengukuhkan lagi persahabatan yang sedia terjalin. Majlis ini turut

dimeriahkan lagi dengan pelbagai hidangan juadah untuk dinikmati para tetamu yang hadir. Alhamdulillah.

9. Sebelum mengakhiri ucapan, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa Pelaksana di atas komitmen tinggi menyatu idea, menyempurnakan tugasan bagi memastikan majlis terlaksana dengan lancarnya seperti mana yang dirancang awal.

Tuan Yang Terutama Tun,

Sekian sahaja ucapan saya.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin berterima kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Yang Terutama Tun Canselor dan **Yang Amat Berbahagia Toh Puan** di atas kesudian hadir ke majlis ini. Sesungguhnya kesudian Tuan Yang Terutama Tun dan **Toh Puan** hadir pada majlis ini amat bermakna buat semua warga UTeM.

Saya sudahi ucapan dengan Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh